

20 MAR 2002

MALAYSIA-BAHRAIN

MALAYSIA AKAN BINA PUSAT PERDAGANGAN DI BAHRAIN

Oleh: Amer Hamzah Mat Sap

BANDARAYA KUWAIT, 20 Mac (BERNAMA) -- Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia akan dibuka di Bahrain menjelang akhir tahun depan.

Duta Besar Malaysia ke Kuwait, Datuk Ismail Mustapha, berkata pusat perdagangan dan pengedaran itu adalah yang kedua di kawasan negara-negara Teluk, dan lebih besar daripada Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia di Dubai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melawat Bahrain April ini akan merasmikan kerja-kerja pecah tanah bagi pembinaan pusat itu, kata Ismail yang juga ditauliahkan untuk Bahrain dan Dubai.

Pembinaan pusat itu dijangka siap dalam tempoh satu setengah tahun, katanya kepada rombongan wartawan Malaysia yang melawat Kuwait di sini hari ini. Rombongan itu diketuai oleh Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin.

Menurutnya, Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia yang akan mempamerkan barang-barang keluaran Malaysia itu, akan turut menjadi pintu masuk ke kawasan-kawasan di sekitarnya.

Antaranya ialah kawasan-kawasan di timur Arab Saudi, Damman, Qatar, Kuwait, Jordan. Ia mungkin juga akan menjadi pintu masuk barang-barang Malaysia ke Iraq.

Beliau tidak menyatakan kos pembinaan pusat yang tapaknya diberikan oleh kerajaan Bahrain itu.

Beliau berkata walaupun Bahrain tidak kaya dengan minyak dan gas seperti negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC), ia menjadi pusat perkhidmatan pelancongan, perbankan, perdagangan dan perbankan luar pesisir.

Sementara itu, Ismail berkata jumlah perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara Teluk masih kecil dan memihak kepada Malaysia.

Antara barangan yang dieksport oleh peniaga Malaysia ialah perabot, barang-barang elektrik seperti televisyen dan radio, kamera, barang-barang kemas dan makanan siap.

Menurutnya, Qatar yang baru sahaja menemui minyak dan gas adalah negara terkaya di dunia mengikut pendapatan per kapita dan sedang giat membangun.

Sehubungan itu, beliau menyeru kepada para peniaga Malaysia supaya melihat peluang-peluang yang ada dan "jangan biarkan peluang diambil orang".

Malaysia mempunyai kepakaran dan mampu untuk bersaing kerana produknya bermutu dan kompetitif, katanya. -- BERNAMA

AHM JR